

113,200 benih ikan air tawar dilepaskan di Pahang

KUANTAN - Jabatan Perikanan Pahang telah melepaskan 113,200 benih pelbagai spesies ikan air tawar di perairan Pahang dalam usaha meningkatkan bekalan sumber protein di perairan negeri ini.

Pengaruhnya, Abdullah Jaafar berkata, pelepasan benih pelbagai spesies ikan air tawar itu membabitkan tiga daerah iaitu di Kuala Lipis, Raub dan Pekan.

Menurutnya, daripada jumlah itu sebanyak 28,300 benih ikan kerai, baung dan lampam sungai telah dilepaskan di perairan Tasik Chini, Pekan.

“Dua lagi lokasi di Sungai Jelai iaitu di Kampung Telang dan Sungai Telang di Kampung Lubuk Kulit, Kuala Lipis, masing-masing sebahagiannya 50,000 benih lampam sungai, 6,000 (baung) dan 600 (kerai).

“Sebanyak 25,000 benih ikan lampam sungai dan 3,000 (baung) di Raub manakala dan 300 (kerai) di Sungai Lipis iaitu di Kampung Jeram Besu yang terkenal dengan pelbagai spesies ikan

air tawar lain,” katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Pada Sabtu, Jabatan Perikanan mengadakan program pelepasan benih ikan air tawar di Sungai Telang, Kuala Lipis.

Beliau menjelaskan, program pelepasan benih ikan air tawar spesies terpilih dilakukan sepanjang tahun membabitkan semua daerah dan negeri.

Katanya, pelaksanaan projek itu juga dapat membantu nelayan menambah sumber pendapatan mereka, dengan adanya pertambahan benih ikan.

“Kalau ikutkan dalam tempoh 10 tahun sejak 2010, jabatan itu sudah melepaskan 12.8 juta benih pelbagai spesies ikan dan udang galah ke perairan umum di negeri ini,” ujarnya.

Sehubungan itu, Abdullah berharap nelayan darat, masyarakat setempat dan peminat aktiviti memancing mendapat manfaat daripada program pelepasan benih ikan dan udang galah tersebut.

FOTO: IHSAN JABATAN PERIKANAN PAHANG



Abdullah (tengah) bersama benih ikan lampam sungai yang dilepaskan ke Sungai Jelai di Kampung Telang.